Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA 21 OKTOBER 2026

LATIHAN SIMULASI KECEMASAN PERKUKUH TINDAK BALAS DAN KOORDINASI PASUKAN PENYELAMAT DI LEBUH RAYA

Petaling Jaya, 21 Oktober 2026: PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dengan kerjasama pelbagai agensi keselamatan strategik telah menganjurkan latihan simulasi kecemasan di Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE), membabitkan laluan Kubang Semang ke Lunas (Arah Timur) di KM16.7 hingga KM17.7, hari ini.

Pengurus Besar Kanan Operasi PLUS, Mohd Yusuf Abdul Aziz menegaskan bahawa keselamatan pengguna lebuh raya sentiasa menjadi keutamaan PLUS.

”Latihan simulasi ini dianjurkan bagi menguji tahap kesediaan, kecekapan, serta masa respons pasukan PLUS, pasukan penyelamat serta agensi berkaitan, di samping menilai keberkesanan koordinasi bersama apabila berdepan situasi kecemasan sebenar," katanya.

Beliau menambah, latihan berkala seperti ini berupaya memperkukuh hubungan strategik serta memperkasakan kemahiran semua pihak yang terlibat secara berterusan.

"PLUS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi serta rakan keselamatan strategik atas komitmen dan kerjasama padu dalam menjayakan latihan ini," ujarnya.

Latihan ini menampilkan senario kemalangan membabitkan sebuah lori tangki muatan petrol dan diesel dengan lori Kelas 3 yang membawa cecair kimia. Berdasarkan Pelan Tindakan Kecemasan, senario tersebut menguji kecekapan operasi menyelamat, kawalan kebakaran, pengurusan tumpahan bahan berbahaya, pemindahan mangsa, kawalan trafik, serta koordinasi komunikasi antara agensi.

Sementara itu, menurut Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pulau Pinang, John Sagun Francis berkata, latihan ini mencerminkan komitmen proaktif semua agensi untuk sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi.

”Kerjasama erat antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, PLUS dan agensi berkaitan memastikan setiap pasukan dapat bertindak dengan pantas, cekap dan teratur semasa menguruskan sebarang insiden di lebuh raya," katanya.

Latihan simulasi kecemasan ini melibatkan penyertaan kira-kira 100 anggota daripada pelbagai agensi penyelamat dan rakan strategik antaranya Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Prifaria Sdn. Bhd. (rakan strategik pengangkutan) dan Edgenta Infrastructure Services (EIS - kontraktor penyelenggaraan lebuh raya).

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nadirah H. Rodzi Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 019-343 2120 Emel: nadirah.rodzi@plus.com.my	**Nazren Fauzi** Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-253 1843 Emel: nazren.fauzi@plus.com.my